

## Konsep Kritik Matan Dan Aplikasinya Dalam Kitab *Al-Tamyīz* Karangan Muslim Bin Al-Ḥajjāj

*[The Concept Of Matan Critism And Its Application In The Book Al-Tamyīz By Muslim Bin Ḥajjāj]*

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi<sup>1</sup>

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: dzuldzulraidi@gmail.com. ORCID iD: <https://orcid.org/0009-0006-7481-2978>.

### **ABSTRACT**

*The criticism of matn (text) is a process of determining the status of a hadith by identifying flaws within its text. This process is widely used in hadith studies, particularly in the science of 'ilal al-hadith. However, there is still a lack of research that systematically highlights the practices of hadith scholars in this field. Among the renowned hadith scholars in 'ilal al-hadith is Muslim bin al-Hajjāj. The recognition from many other hadith scholars evidences this. Furthermore, tangible proof can be observed in his work, al-Tamyīz, within this branch of knowledge. Therefore, this article aims to dissect the concept and practical application of matn criticism by Muslim bin al-Hajjāj, based on his work al-Tamyīz. The study employs the documentation method, with al-Tamyīz as the primary reference, alongside classical and contemporary works and academic articles for data collection. A content analysis method analyses the collected materials to achieve comprehensive results. The study found that Muslim bin al-Hajjāj applied matn criticism in 17 instances to resolve all issues of 'illah. However, the forms of matn criticism varied depending on the specific hadith issues. Moreover, the analysis revealed that he employed several interesting types of qarīnah (indicators) in matn criticism that merit further detailed discussion, such as narrative storytelling, textual anomalies, and contradictions with historical facts. Thus, the study recommends further research on these topics to enrich the field of hadith studies in Malaysia.*

**Keywords:** Criticism of matn; 'Ilal al-hadith; Muslim bin al-Hajjāj; Al-Tamyīz; Qarīnah

## ABSTRAK

Kritik matan adalah suatu proses menentukan status sesebuah hadith dengan menjelaskan kecacatan yang terdapat pada teksnya. Proses ini digunakan secara meluas dalam ilmu hadith khususnya ilmu ‘*ilal al-hadīth*’. Namun begitu, masih kurang kajian yang menonjolkan amalan praktikal tokoh-tokoh ilmuwan hadith secara tersusun. Antara ilmuwan hadith yang terkenal dalam bidang ‘*ilal al-hadīth*’ ialah Muslim Bin al-Hajjāj. Hal ini dibuktikan dengan perakuan daripada ramai ilmuwan hadith yang lain. Begitu juga, bukti nyata dapat dilihat daripada karangan beliau dalam cabang ilmu ini berjudul *al-Tamyīz*. Justeru, artikel ini bertujuan membedah konsep dan praktikal kritik matan oleh Muslim bin al-Hajjāj berpandukan karya *al-Tamyīz*. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi. *Al-Tamyīz* dijadikan sebagai rujukan utama, manakala karya-karya klasik dan kontemporari serta artikel-artikel akademik digunakan sebagai sumber pengumpulan data. Selain itu, metode analisis kandungan segala bahan terkumpul akan digunakan dalam kajian ini agar hasil yang tuntas diperoleh. Kajian mendapati Muslim bin al-Hajjāj mengaplikasikan kritik matan pada 17 tempat bagi menyelesaikan kesemua masalah ‘*illah*’. Namun, bentuk-bentuk aplikasi kritik matan yang digunakan berbeza-beza bergantung kepada kes masalah hadith tersebut. Di samping itu, analisis mendapati beliau menggunakan beberapa bentuk *qarīnah* kritik matan yang menarik untuk dibahaskan secara lebih teliti. Antaranya ialah penceritaan kisah, kejanggalan teks hadith, dan percanggahan dengan fakta sejarah. Justeru kajian mencadangkan agar sebuah kajian lanjutan mengenai topik-topik tersebut dijalankan agar menyemarakkan lagi lapangan kajian hadith di Malaysia.

**Kata Kunci:** Kritik matan; ‘*Ilal al-hadīth*; Muslim bin al-Hajjāj; *Al-Tamyīz*; *Qarīnah*

### How to Cite:

Received: 13-8-2024

Dzulraidi, D. H. (2024). Konsep Kritik Matan Dan

Revised: 18-10-2024

Aplikasinya Dalam Kitab Al-Tamyīz Karangan Muslim

Accepted: 17-11-2024

Bin Al-Hajjāj. *RABBANICA Journal of Revealed*

Published: 20-11-2024

*Knowledge*, 5(2), 1-15.

## 1. Pendahuluan

Kajian hadith telah lama menjadi salah satu bidang ilmu yang penting dalam tradisi keilmuan Islam (Arif Yahya, 2016). Dalam usaha memastikan kesahihan riwayat hadith, ulama-ulama hadith telah mengembangkan pelbagai metodologi dan disiplin untuk menilai dan membezakan antara riwayat yang sahih dan yang mengandungi kelemahan (Fauzi Deraman, 2012). Salah satu disiplin penting dalam ilmu hadith ialah

ilmu ‘ilal al-hadīth, yang berfokus kepada pengenalpastian kecacatan tersembunyi dalam sanad dan matan hadith (Ajjāj al-Khaṭīb, 2007).

Dalam konteks ini, matan hadith menjadi tumpuan penting bagi para muhaddithīn. Kritik matan adalah satu proses yang digunakan untuk menilai kesahihan teks hadith dengan mengenal pasti kelemahan atau kecacatan yang mungkin wujud dalam matan tersebut (Muhammad ‘Alī, 2000). Proses ini membantu memastikan bahawa hadith yang diriwayatkan benar-benar daripada Nabi Muhammad SAW dan bukan hasil daripada kesilapan perawi atau penyelewengan riwayat.

Salah satu tokoh ulama hadith yang terkenal dengan sumbangannya dalam bidang kritik matan adalah Muslim bin al-Hajjāj. Karya beliau *al-Tamyīz* dianggap sebagai salah satu rujukan utama dalam ilmu ‘ilal al-hadīth. Muslim bin al-Hajjāj bukan sahaja terkenal sebagai penyusun kitab *Sahīh Muslim*, tetapi juga sebagai seorang muhaddīth yang sangat teliti dalam mengaplikasikan kritik matan untuk mengesahkan kecacatan tersembunyi dalam hadith.

Meskipun banyak kajian telah dilakukan mengenai kritik matan, kajian yang mendalam dan terperinci mengenai aplikasi kritik matan masih agak terhad. Begitu juga, tiada kajian yang membahaskan aplikasi kritik matan oleh Muslim sendiri dalam *al-Tamyīz*. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengisi jurang kajian lepas dengan mengkaji secara khusus konsep dan aplikasi kritik matan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam karyanya *al-Tamyīz*. Kajian ini bukan sahaja akan memberi pandangan mendalam mengenai bagaimana Muslim menggunakan kaedah kritik matan untuk mengesahkan hadith, tetapi juga akan menganalisis pelbagai *qarīnah* yang digunakan oleh beliau dalam proses ini.

Dengan memahami pendekatan dan aplikasi kritik matan oleh Muslim bin al-Hajjāj, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengayaan ilmu hadith khususnya dalam konteks kajian kritik matan di Malaysia.

### **1.1 Biografi Muslim Bin Al-Hajjāj**

Muslim bin al-Hajjaj, juga dikenal sebagai Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysābūrī, berasal dari keturunan Bani Qushayrī, sebuah suku Arab yang terkenal. Menurut beberapa ulama, termasuk al-Zahabī (1996) dan Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2001), beliau dilahirkan pada tahun 204 Hijrah. Namun, Mahmūd Fākhūrī (1990) berpendapat bahawa tahun kelahiran yang lebih tepat adalah 206 Hijrah di kota Naisabur. Muslim memulakan pengajiannya dalam ilmu hadith pada usia 18 tahun di bawah bimbingan Yahyā bin Yahyā al-Tamīmī. Beliau kemudian merantau ke Iraq, Hijaz, Syam, dan Mesir untuk belajar dan

mengumpulkan hadith daripada para ulama di wilayah-wilayah tersebut (Muslim, 1972).

Muslim mempelajari dan meriwayatkan hadith daripada lebih 220 perawi yang mana sebahagian besar dimasukkan ke dalam karya beliau, *Şahîh Muslim* (Muslim, 1972). Di antara gurunya adalah al-Qa'nabî, Ahmad bin Yûnus, Ismâ'îl bin Abî Uways, Dâwûd bin 'Amr, al-Haitham bin Khârijah, Sa'îd bin Mansûr, dan ramai lagi seperti yang disebutkan oleh al-'Asqalânî (2001). Muslim juga berguru dengan Muhammad bin Ismâ'îl al-Bukhârî untuk tempoh yang lama. Al-Khaṭîb al-Baghdâdî (2001) menceritakan bahawa Muslim sangat rapat dengan al-Bukhârî semasa beliau berada di kota Naisabur pada akhir hayatnya, sehingga mengikut jejak langkah gurunya dalam metodologi dan ilmu hadith. Al-Dâraqûtñî (2000) pernah menyatakan bahawa jika bukan kerana al-Bukhârî, Muslim tidak akan mencapai kedudukan yang beliau miliki dalam bidang hadith hari ini.

Di antara anak murid Muslim yang terkenal adalah al-Tirmidhî, Abû al-Faḍl Aḥmad bin Salamah, Ibrâhîm bin Abî Tâlib, Abû 'Amrû al-Khafâf, Ibn Khuzaymah, dan Abû Muhammâd bin Abî Hâtim al-Râzî (al-'Asqalânî, 2001; Ibn Khallikân, 1997). Selain itu, Muslim juga menghasilkan beberapa karya dalam bidang hadith yang menjadi rujukan penting bagi umat Islam, termasuklah *Şahîh Muslim*, yang dianggap sebagai karya agungnya (Muslim, 1972). Menurut al-Nawawî (1996), antara karya lain yang ditulis oleh Muslim adalah *al-Musnad al-Kabîr*, *al-Jâmi' al-Kabîr*, *al-'Ilâl*, *Awhâm al-Muḥaddithîn*, dan *al-Tamyîz*. Al-'Uqaylî (1992) turut mengesahkan sumbangan Muslim dalam penghasilan karya-karya tersebut.

## 1.2 Pengenalan Kitab *al-Tamyîz*

Kitab *al-Tamyîz* yang ditulis oleh Muslim bin al-Hajjâj merupakan salah satu daripada dua karya utama yang membincangkan metodologi dan aspek-aspek penting dalam seni hadith (*şînâ'ah ḥadîthîyyah*). Muslim memulakan kitab ini dengan satu mukadimah yang panjang, namun ia boleh diringkaskan kepada tiga perbincangan utama. Pertama, sebab atau justifikasi Muslim menulis kitab ini. Kedua, perbincangan tentang kekuatan hafalan manusia, yang dibahagikan kepada tiga kategori: *al-hâfiẓ al-mutqin* (perawi cemerlang hafalan yang sangat bersungguh dalam periwatan hadith), golongan yang kurang hafal atau *ghayr dâbiṭ*, dan mereka yang menumpukan hafalan kepada matan hadith tanpa sanad. Ia merupakan pembahagian unik yang tidak dibahaskan dalam karya-karya lain. Muslim juga meneliti kesilapan yang berlaku dalam hadith, yang boleh dibahagikan kepada dua kategori: kesilapan yang jelas dan mudah

dikesan walaupun oleh para ahli ilmu bukan bidang hadith. Manakala yang kedua kesilapan sukar dikenali oleh orang biasa, tetapi mudah dikenal pasti oleh para imam hadith berpengalaman dalam bidang ini (Muslim, 2009).

Bahagian kedua kitab ini memberi tumpuan kepada penjagaan riwayat hadith secara sanad dan matan, serta menekankan ciri-ciri seorang muhaddith yang harus *mutqin* (bersungguh dalam hadith) dan *qābiṭ* (hafal) dalam penyampaian hadith, tanpa sebarang tokok tambah atau pengurangan. Muslim mengeluarkan sejumlah 35 hadith daripada perkataan Nabi SAW, para sahabat dan *tābi’īn* mengenai keutamaan menjaga periyawatan sebaik mungkin. Muslim juga membahas isu penilaian terhadap perawi dan bila wajar untuk meninggalkan riwayat perawi yang sering melakukan kesilapan besar.

Bahagian ketiga adalah fokus utama kitab ini, di mana Muslim membahaskan 25 hadith-hadith yang telah terjadi kesilapan, dan membincangkan kaedah-kaedah untuk mengenal pasti kesilapan tersebut. Muslim menyatakan bahawa tujuan utama *al-Tamyīz* adalah untuk menjelaskan riwayat-riwayat yang mengandungi kesilapan atau *ghalāt* oleh para perawi (Abdullah al-Sa’d, 2019). Beliau bukan sahaja membahaskan kesilapan itu daripada perspektif sanad bahkan daripada perspektif matan sekaligus. Justeru kajian ini akan meneliti kritik matan yang beliau utarakan.

## 2. Skop Dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam seperti mengkaji berkenaan konsep kritik matan di sisi seseorang tokoh secara khusus (Awang, 2018).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep kritik matan dan praktikalnya dalam ilmu hadith secara umum. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep kritik matan dalam karya *al-Tamyīz* oleh Muslim bin al-Hajjāj. Sumber-sumber selain itu yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan digital library seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplakasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar kritik matan oleh para ilmuwan konvensional dan kontemporari. Selain itu, tema-tema dan pembahagian kritik matan juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada

kesinambungan praktikal kritik matan melalui analisis yang dilakukan terhadap karya *al-Tamyīz* oleh Muslim bin al-Hajjāj.

### **3. Dapatkan dan Perbincangan**

#### **3.1 Konsep Kritik Matan**

Penggunaan terma kritik matan digunakan dengan beberapa definisi secara meluas dalam ilmu hadith, namun perbincangan kajian ini khusus dalam perspektif ilmu ‘*īlal al-hadīth* semata-mata. Justeru kajian akan menjelaskan mengenai definisi dan peranan kritik matan dalam bidang ‘*īlal al-hadīth*.

#### **3.2 Definisi Kritik Matan**

Berkenaan kritik matan adalah terjemahan literal daripada kalimah bahasa arab *naqd al-matn*. Bagi kalimah *naqd*, Ibn Fāris (2007) mengatakan bahawa kalimah ini menunjukkan proses mendedahkan sesuatu dan sesuatu menjadi terdedah atau tersingkap. Seperti contoh ia digunakan pada kuku kuda yang pecah sehingga menunjukkan permukaannya. Kebiasaan kalimah *naqd* ini digunakan pada dinar iaitu menyingkap tentang keadaan dan kualitinya. Manakala bagi kalimah matn, ramai daripada kalangan ilmuwan hadith memberi definisi yang serupa baginya. Mullā ‘Alī al-Qārī (2015) menyatakan matan adalah perkataan dan perbuatan Nabi SAW atau sahabat yang berada di akhir sanad. Dalam bahasa yang lebih mudah boleh dikatakan matan adalah teks bagi sesebuah hadith.

Bagi istilah *naqd al-matn*, terdapat beberapa definisi yang dikeluarkan oleh para ilmuwan hadith masa kini sehingga setidaknya membawa kepada lima definisi utama:

Jadual 1: Definisi Kritik Matan

No.	Definisi
1.	Mengharmonikan antara teks hadith dan apa yang bertentangan dengannya, sama ada bertentangan dengan al-Quran, hadith, kaedah dan kefahaman akal yang sejahtera.
2.	Menentukan kesahihan teks hadith berbanding teks hadith yang lain.
3.	Meninggalkan beramal dengan hadith yang autentik berikutan ia bercanggah dengan nas atau akal yang sejahtera
4.	Mengkritik sebahagian teks hadith walaupun umumnya sahih.
5.	Menolak hadith kerana bertentangan dengan nas, kaedah dan akal yang sejahtera walaupun sahih sanadnya.
6.	Memeriksa hadith daripada segi makna, kesahihan dan tiada berlaku kesilapan padanya.

**Kesimpulan: Kritik matan terbahagi kepada dua sudut penelitian iaitu:**

1. **Keselarian (*muwāfaqah*) dan percanggahan (*mukhālafah*) teks hadith antara para perawi.**
2. **Keselarian (*muwāfaqah*) dan percanggahan (*mukhālafah*) teks hadith antara hadith dengan nas-nas syariat.**

(Sumber: Ayyoub Hassan, 2022; Syaqīq Winqarā, 2018; Abd al-Majīd Abdullah Mubārakīh, 2013; Umar Bazmūl, 2005).

Definisi yang dipilih khusus dalam konteks kajian ini adalah yang keenam iaitu sebuah proses menentukan status sesebuah hadith dengan menjelaskan kecacatan yang terdapat pada teksnya dengan memeriksa makna hadith (Muhammad ‘Alī 2000). Ia merupakan sebahagian daripada perbincangan dalam ilmu ‘*ilal al-hadīth* (Abū al-Layth Abadī, 2011).

Kritik matan dilihat mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam al-Quran:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ حَمَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَيٍّ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصْبِيُوا قَوْمًا بِجَهَلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ ﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan. (al-Hujurāt: 6).

Jelas daripada ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk memastikan kebenaran sebelum menerima sesuatu berita dan perkhabaran. Begitu juga halnya dengan hadith-hadith Nabi SAW. Tidak ada satu hadith yang diriwayatkan daripada para perawi kecuali ia akan diselidiki sama ada tepat atau tidak bersumberkan Nabi SAW (Abū al-Layth Abadī, 2011).

### 3.3 Peranan Kritik Matan

Kritik matan mempunyai peranan yang cukup besar dalam lapangan hadith. Khusus bagi perbahasan ‘*ilal al-hadīth*, Hanān Qamāri (2016) menyatakan kritik matan merupakan salah satu subjek penggunaan petunjuk (*qarīnah*) untuk menguatkan pandangan seseorang tokoh berkenaan kesilapan sesebuah hadith. Abd Qādir Muhammad (2021) merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith ialah tanda yang

menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubung kait perawi dan riwayat. Para imam hadith menggunakan *qarīnah* bagi melakukan sama ada kritik matan atau kritik sanad bagi membuktikan kewujudan ‘illah bagi sesuatu hadith (‘Ādil al-Zuraqī, 2004).

Menurut Hātim al-Awnī (2018) terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan dalil. Oleh kerana dalil merupakan bukti konkret, justeru untuk mensabitkan sesuatu mencukupi hanya dengan satu dalil. Manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu untuk mensabitkan sesuatu perkara. Hal ini dapat diilustrasikan seumpama kes pembunuhan. Dalil boleh diumpamakan seperti pengakuan suspek manakala *qarīnah* seperti terdapat motif pembunuhan. Oleh itu, mencukupi pengakuan suspek untuk disabitkan kesalahan membunuh walhal tidak mencukupi semata-mata terdapat motif pembunuhan bahkan perlu disokong oleh *qarīnah* yang lain. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 2: Perbezaan *Qarīnah* dan Dalil

Perbezaan <i>Qarīnah</i> dan Dalil	
<i>Qarīnah</i>	Dalil
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwayatan secara bersendirian merupakan <b>petunjuk</b> kewujudan ‘illah sesebuah hadith	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan <b>bukti</b> ‘illah sesebuah hadith

(Sumber: Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, 2024)

Justeru apabila kritik matan berperanan sebagai *qarīnah* dalam menentukan kesilapan sesebuah hadith, dapat dilihat seseorang tokoh tidak meletakkan limitasi kritik matan semata-mata dalam penilaianya bahkan banyak kali menggabungkan antara kritik matan dan kritik sanad sekaligus.

### 3.4 Aplikasi Kritik Matan oleh Muslim bin al-Hajjāj

Bahkan kajian mendapati Muslim bin al-Hajjāj mengemukakan kritik matan terhadap sebahagian perbincangan ‘ilal dalam *al-Tamyīz* iaitu pada 17 hadith. Kesemua hadith tersebut dikumpulkan dan disusun mengikut susunan asal kitab. Rujukan asas susunan berdasarkan beberapa sumber cetakan iaitu cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* dengan tahkik daripada Abdul Qādir Mustafa al-Muhammadī. Selain itu, cetakan *Dār Ibn Hazm* dengan tahkik daripada Sālih bin Ahmad. Seterusnya cetakan *Maktabah al-Kauthar* dengan tahkik daripada Mustafa al-A’zamī. Hal ini berikutan supaya rujukan silang dapat dijalankan antara ketiga-tiga cetakan. Begitu

juga kesemua hadith tersebut dilabelkan mengikut penomboran kod agar memudahkan penjelasan di bahagian perbincangan. Setiap hadith diletakkan tema *qarīnah* yang digunakan sebagai objektif taburan. Tema-tema ini asasnya diambil daripada karya ‘Ādil al-Zuraqī (2004) bertajuk *Qawā’id al-Ilal wa Qarāin al-Tarjīh*. Setiap tema *qarīnah* juga diletakkan kod di sebelahnya bagi tujuan semakan statistik tema berulang. Selain itu, setiap hadith juga dipaparkan bersama bab dan muka surat agar rujukan silang dapat dijalankan. Cetakan yang dijadikan asas bagi nombor muka surat adalah cetakan *Maktabah al-Kauthar*. Hal ini berikutan ia terdapat dalam laman *al-Maktabah al-Shāmilah* maka lebih mudah untuk dirujuk kembali. Begitu juga kesemua hadith hanya dipaparkan secara *atrāf* (pangkal teks hadith) sahaja agar dapat menjimatkan ruang kajian. Rumusan taburan hadith adalah berdasarkan jadual berikut:

Jadual 3: Rumusan Taburan Kritik Matan dalam *al-Tamyīz*

Kod	Teks Hadith	Tema <i>Qarāin al-Tarjīh</i> dalam kritik matan	Bab	M/S
A1	بِمَدْ بِهَا صَوْتَهُ	1. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q1)	Zikr <i>al-Akhbār allatī Nuqilat ‘ala al-Ghalat</i>	180
A2	قَضَى حَاجَتَهُ وَلَمْ يَعْسُ مَاءَ حَتَّى يَنَمَ	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	Zikr <i>al-Aḥādīth allatī Nuqilat ‘ala al-Ghalat fī Mutūnihā</i>	181
A3	صَلَى رَكْعَيْنِ ثُمَّ سَلَمَ فَقَالَ ذُو الْشَّمَالَيْنَ بْنُ عَبْدِ عَمْرٍو	1. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q2)	<i>Wa min al-Akhbār al-Manqūlah ‘ala al-Wahm fī al-Matn dīnā al-Isnād</i>	182
A4	فَصَلَى فَقَعْدَتْ عَنْ يَمِينِهِ فَجَعَلَنِي عَنْ يَسَارِهِ	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	<i>Al-Khabar al-Manqūlah ‘ala al-Wahm fī Matnihi</i>	184
A5	أَمْرَهَا أَنْ تَوَافِي مَعَهُ صَلَاةُ الصَّبَحِ يَوْمَ النَّحرِ بِمَكَّةَ	1. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafadz riwayat (Q3) 3. <i>Qarīnah</i> fakta sejarah (Q4)	<i>Wa min al-Akhbār allatī Yahimū fīhā Ba’d Nāqilīhā</i>	186
A6	اتَّخِذْ حَجَرَةً فِي الْمَسْجِدِ مِنْ حَصِيرٍ	1. <i>Qarīnah</i> fakta sejarah (Q4) 2. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q5)	<i>Wa min Fāhisy al-Wahm li Ibn Lahī’ah</i>	187

A7	بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ وَالْتَّحِيَاتِ اللَّهِ	1. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat (Q3)	<i>Al-Khabar al-Manqūlah 'ala al-Wahm fī al-Matn wa al-Isnād Jamī'an</i>	188
A8	كُنَّا نُورَهُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْنِي الْجَدِ	1. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q5)	<i>Wa min al-Akhbār allatī Ruwiyat 'ala al-Ghalat wa al-Tashīf</i>	190
A9	مِنْ أَعْتَقْ نَصِيبًا لَهُ فِي عَبْدٍ	1. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat (Q3)	<i>Wa min al-Hadīth allazī fī Matnihi Wahm</i>	190
A10	أَنْ يَحْلِفُ الْمَدْعُونُ خَمْسِينَ يَمِينًا	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	<i>Wa min al-Hadīth allazī Nuqila 'ala al-Wahm fī Matnihi wa lam Yuhfaz</i>	192
A11	يَا فَلَانَ هَلْ تَزَوَّجُتْ	1. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q5)	<i>Zikr Khabar Wāhin Yadfa'u hu al-Akhbār al-Sīhāh</i>	194
A12	أَمْ بَيْعَ الْمُدْبِرِ فِي دِينِ الَّذِي دَبَرَهُ	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	<i>Zikr Riwāyat Ukhra Naqalahā al-Kūfiyūn 'ala al-Ghalat</i>	196
A13	سُؤَالُ جَبْرِيلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْإِيمَانِ	1. <i>Qarīnah</i> logik (Q6)	<i>Wa min al-Khabar allazī Lam Yunqal 'ala al-Sīhāh</i>	198
A14	إِنْ وَقَتَتْ عَلَيْهَا قَبْلَ الْفُجُورِ فَقَدْ أَدْرَكَتْ	1. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q5)	<i>Zikr Riwāyat Fāsidah bilā 'Ādid lahā</i>	200
A15	أَنْ رَسُولُ اللَّهِ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى الْجُوْرِبَيْنِ وَالْعَلَيْنِ	1. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q2)	<i>Zikr Khabar Laysa bi Mahfūz al-Matn</i>	202
A16	مِنْ حَلْفٍ عَلَى يَمِينٍ فَرَأَى غَيْرَهَا	1. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q1)	<i>Zikr Khabar Khata' fī Matnihi Yadfa'u hu al-Akhbār al-Sīhāh</i>	204

A17	من أَتَى جَنَازَةَ فَانْصَرَفَ عَلَيْهَا	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	Zikr <i>Riwāyat lā Yutāba' Ruwātuhā fī Matnīhā walā fī Isnādihā</i>	206
A18	أَكْثَرُ مِنْ عَشْرِينَ مَرَّةً يَقْرَأُ فِي الرُّكْعَتِيِّ	1. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q5)	Zikr <i>al-Akhbār allatī fī Isnādihā Ghalat min ba'd Nāqilihā</i>	207
A19	لِلمُقِيمِ يَوْمَ وَلَيْلَةً وَلِلسَّافِرِ تَلَاثَةً أَيَّامٍ وَلِيَالِيهِنَّ	1. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q2) 2. <i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi (Q7)	<i>Wa fīhā Khabar Ākhar Ghayr Mahfūz al-Isnād</i>	209
A20	صَلَيْتَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي السَّفَرِ وَالْحَضْرِ	1. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q2) 2. <i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi (Q7)	Zikr <i>Khabar Mustankir 'an Ibn Umar 'an al-Nabi</i>	210
A21	كَانَ النَّاسُ يَخْرُجُونَ صَدَقَةً الْفَطْرِ	1. <i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi (Q7)	Zikr <i>Riwayat Fāsidah Bayyana Khatū'uḥā bi Khilāf al-Jamā'ah min al-Huffāz</i>	211
A22	وَقْتُ رَسُولِ اللَّهِ لِاهْلِ الْعَرَاقِ قَرْنَا	1. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q2)	Zikr <i>Hadīth Manqūl 'ala al-Khata' fī al-Isnād wa al-Matn</i>	212
A23	فَأَمْرَرَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَصُومُ يَوْمًا مَكَانَهُ	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	Zikr <i>Hadīth Manqūl 'ala al-Khata' fī al-Isnād</i>	216
A24	ذَهَبَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِحَاجَتِهِ	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	Zikr <i>Khabar Ākhar Wahīma Mālik fī Isnādihī</i>	219
A25	صَلَيْنَا وَرَاءَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَابِ الصَّبِحَ	Tiada bentuk <i>qarīnah</i> kritik matan digunakan	Zikr <i>Hadīth Wahīma Mālik bin Anas fī Isnādihī</i>	220

(Sumber: Analisis Pengkaji)

Hasil kajian menemui sejumlah tujuh *qarīnah* kritik matan digunakan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam menyelesaikan masalah-masalah ‘illah dalam karya beliau. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 4: Senarai *qarīnah*

Kod	Senarai <i>Qarīnah</i>
Q1	<i>Qarīnah</i> hadith saihh lain
Q2	<i>Qarīnah</i> penceritaan kisah
Q3	<i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat
Q4	<i>Qarīnah</i> fakta sejarah
Q5	<i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith
Q6	<i>Qarīnah</i> logik
Q7	<i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi

(Sumber: Analisis Pengkaji)

Dalam kajian hadith, penggunaan *qarīnah* oleh para muhaddithīn untuk menentukan kesahihan sesuatu riwayat adalah satu pendekatan yang sangat penting (Adil al-Zuraqi, 2004). Muslim bin al-Hajjāj telah menunjukkan penggunaan *qarīnah* ini dengan jelas dalam analisisnya terhadap percanggahan riwayat. Dalam lima hadith yang dibahaskan, beliau menggunakan lebih daripada satu *qarīnah* kritik matan untuk menentukan riwayat yang paling tepat. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak hanya bergantung kepada satu *qarīnah* semata-mata untuk membuat kesimpulan, tetapi menggabungkan beberapa sekaligus dalam proses penilaian hadith.

Dalam kajian yang lebih mendalam, didapati bahawa Muslim bin al-Hajjāj telah menggunakan sekurang-kurangnya satu *qarīnah* kritik matan dalam menyelesaikan 12 masalah hadith tertentu iaitu hadith-hadith bernombor A1, A3, A7, A8, A9, A13, A14, A15, A16, A18, A21, dan A22. Pada masalah hadith yang dinyatakan sebagai A5, beliau menggunakan maksimum tiga *qarīnah* kritik matan sekaligus untuk mencapai keputusan yang lebih tepat. Pendekatan ini selari dengan pandangan Hātim al-Awnī (2018), yang menyatakan bahawa untuk mensabitkan sesuatu perkara dengan lebih pasti, diperlukan lebih daripada satu *qarīnah*.

Kajian ini juga mendedahkan bahawa Muslim bin al-Hajjāj cenderung untuk menggunakan beberapa *qarīnah* secara berulang kali dalam hadith-hadith yang berlainan menunjukkan pola pemikiran dan metodologi yang konsisten dalam pendekatan kritik matan beliau. Hal ini menunjukkan betapa telitinya Muslim bin al-Hajjāj dalam penggunaan *qarīnah*, yang mana setiap keputusan mengenai kesahihan hadith dibuat berdasarkan analisis mendalam dan penggunaan pelbagai sumber untuk menyokong kesimpulan beliau.

Pendekatan ini menggambarkan betapa kompleksnya proses kritik matan dalam kajian hadith dan menekankan kepentingan penggunaan *qarīnah* yang pelbagai untuk memastikan ketepatan dan kesahihan sesuatu hadith. Melalui penggunaan metodologi yang teliti ini, Muslim bin al-Hajjāj telah memberikan sumbangan yang sangat berharga dalam disiplin hadith, khususnya dalam bidang *'ilal al-hadīth*. Statistik penggunaan *qarīnah* secara berulang dapat dilihat daripada rajah di bawah:

Rajah 1: Statistik Penggunaan *Qarīnah*



(Sumber: Analisis Pengkaji)

Statistik menunjukkan bahawa Muslim bin al-Hajjāj cenderung menggunakan *qarīnah* Q2 dan Q5 pada kebanyakan hadith dalam karyanya, melebihi penggunaan *qarīnah* lain seperti *qarīnah* penceritaan kisah dan kejanggalan teks hadith. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua *qarīnah* ini memainkan peranan yang signifikan dalam penilaian Muslim terhadap matan hadith, menjadikannya subjek yang menarik untuk kajian lanjutan mengenai konsep dan praktikal penggunaan *qarīnah* oleh para muhaddithīn. Muslim bin al-Hajjāj dilihat hanya menggunakan *qarīnah* Q6 sebanyak sekali sahaja, yang menandakan bahawa *qarīnah* ini bersifat khusus dan diaplikasikan hanya dalam konteks tertentu. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa Muslim bin al-Hajjāj menggunakan kaedah perbandingan riwayat hadith dengan fakta sejarah untuk mengesan kewujudan 'illah dalam hadith. Penggunaan kaedah ini menunjukkan kepentingan analisis sejarah dalam kritik hadith, dan perkara ini memerlukan perbincangan yang lebih mendalam mengenai panduan serta disiplin yang diperlukan dalam aplikasi kaedah ini.

Justeru itu, hasil kajian di atas telah menjawab objektif bagi memerhatikan aplikasi kritik matan di sisi Muslim bin al-Hajjāj dalam karya beliau *al-Tamyīz*.

#### 4. Kesimpulan

Kritik matan merupakan suatu proses memeriksa hadith dari segi makna dan kesahihan, memastikan tiada kesilapan padanya dengan berfokus kepada teks hadith semata-mata. Kritik matan mempunyai asas syariatnya dan diamalkan zaman-berzaman oleh para ulama hadith. Muslim bin al-Hajjāj bersama karyanya *al-Tamyīz* telah membuktikan kesemua perbincangan mengenai kritik matan secara praktikal dalam karyanya *al-Tamyīz*. Hal ini juga menunjukkan bahawa para muhaddithīn bukan sahaja mahir dalam teknikal sanad hadith, malah turut memahami teks hadith dengan mendalam.

Kesimpulannya, berdasarkan 25 hadith yang dibahaskan oleh Muslim bin al-Hajjāj, beliau mengaplikasikan kritik matan pada 17 hadith. Dalam aplikasi tersebut, beliau menggunakan sekurang-kurangnya satu *qarīnah* dan maksimum tiga *qarīnah* bagi setiap hadith. Sepanjang proses analisis dijalankan, beberapa topik untuk kajian lanjutan telah dikenal pasti. Antaranya ialah kajian mengenai *qarīnah* penceritaan kisah dan kejanggalan teks hadith. Kedua-dua *qarīnah* ini sering digunakan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam kritik matannya. Kedua kajian mengenai konsep dan aplikasi fakta sejarah sebagai metod kritik matan di sisi para imam hadith.

#### Rujukan

- Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, *Ittijāhāt fī Dirāsāt al-Sunnah Qadīmuhā wa Ḥadīthuhā* (Selangor: Dār Al-Shākir, 2011).
- Al-‘Umri, M. ‘A. Q. (2000). *Dirāsāt fī Manhaj Al-Naqd ‘Inda Al-Muḥaddithīn*. Amman: Dār Al-Nafā’is.
- Al-Awnī, H. (2018). *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buhūth wa al-Dirāsāt.
- Al-Dhahabī, S. M. A. (1985). *Siyar A’lām al-Nubalā’* (ed. Bashār ‘Awwād Ma’rūf) (Vol. 12). Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī. (2002). *Tārīkh Baghdaḍ* (ed. Bashar ‘Awwād Ma’rūf) (Vol. 15). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Khayr Ābādī, A. L. (2011). *Ittijāhāt fī Dirāsāt al-Sunnah Qadīmuhā wa Ḥadīthuhā*. Selangor: Dār Al-Shākir.
- Al-Nawawī, A. Z. Y. S. (n.d.). *Tahdhīb al-Asmā’ wa al-Lughāt* (Vol. 2). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qārī, M. ‘A. (2015). *Syarh Nukhbah al-Fikar*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Al-Sa‘d, ‘A. (2019). *al-Wajīz fī Sharḥ Kitāb al-Tamyīz*. Riyādh: Dār al-Adāwah li al-Nasyr.

- Al-Zuraqī, ‘Ā. A. S. (2004). *Qawā’id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī’.
- Arif Yahya (2016) Sumbangan Ahl al-Hadith dan Peranannya dalam Membangun Ketamadunan Islam, *Journal of Hadith Studies* 2.
- Bazmūl, M. U. (2005). *Khaṭūrah Naqd al-Hadīth*. Mesir: Dār al-Āthār.
- Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Mohd Ithnin, N. K., Amat Famsir @ Amat Tamsir, M. T., & Ayub, D. H. (2024). Konsep Qarā’in al-Tarjīh dan Aplikasinya dalam Kitab *al-Tamyīz* Karangan Muslim bin al-Hajjāj. *Journal of Fatwa and Falak Selangor (JUFFAS)*, 1(1).
- Fākhūrī, M. (2016). Al-Muslim bin al-Hajjāj bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī Ḥayātuhu wa Ṣahīluhu. Mesir: Dār al-Salām li al-Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjamah.
- Fauzi Deraman “Metodologi Muhaddithin” dalam Ishak Suliaman et.al, Autoriti Hadis : Menangani Gerakan Anti Hadis, cet. ke 3, Penerbit Universiti Malaya.
- Hanān Qamārī. "Ta’ārud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.(45)
- Hassan, M. A. M. (2022). Naqd Matn al-Hadīth ‘inda al-Muhaddithīn bayna al-Qabūl wa al-Radd. *Ibn Khaldoun Journal for Studies and Research*, 2(6), 75.
- Ibn Fāris. (2007). *Mu’jam Maqāyīs al-Lughah* (Vol. 5). Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hajar al-‘Asqalānī. (2014). *Tahdhīb al-Tahdhīb* (ed. Ibrāhīm al-Zabīq dan ‘Ādil Muṣhid) (Vol. 4). Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Ibn Hajar Ansori et al. (2020) A Genealogy of ‘Ilal al-Hadith Study (Tracing the Historical Root Gene of Existence and Development The Study of ‘Ilal al-Hadith), *Jurnal Usuluddin* 28(1).
- Idris, M. A., Muhamad, H., & Ibrahim, R. Z. A. R. (2018). Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mubārakīh, A. M. A. (2013). *Maqāyīs Naqd al-Matn al-Hadīthī ‘inda al-Syaikh al-Albānī min Khilālī Kitābihi Silsilah al-Aḥādīth al-Dha’īfah wa al-Maudhū’ah* (tesis kedoktoran University of Batna Algeria).
- Muhammad Ajjaj al-Khatib, Usūl al-Hadīth, trans. M. Qodirun Nur and Ahmad Musyafiq (Jakarta: Gaya Media Pratama, 2007), 263.
- Muslim bin al-Hajjāj. (1990). *al-Tamyīz*. Saudi: Maktabah al-Kauthar.
- Muslim. (2009). *Al-Tamyīz* (ed. ‘Abd al-Qādir Muṣṭafā al-’Muḥammadi). al-Su‘ūdīyyah: Dār Ibn al-Jawzī.
- Qamārī, H. (2016). Ta’ārud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal (Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University).
- Sāmir al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā‘ Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).106.
- Syaqīq Winqarā (2018), Naqd Matn al-Hadīth: Tārīkhuhu wa Maqāyīsuhu wa Manāhij al-‘Ulamā’ fīhi, 23. (disertasi sarjana Dār al-Huda Islamic University).